

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2010/2011**

NAMA KURSUS	:	PENILAIAN DAN PENGUKURAN PENDIDIKAN
KOD KURSUS	:	BBE 2062
PROGRAM	:	SARJANA MUDA PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL
TARIKH PEPERIKSAAN	:	NOVEMBER / DISEMBER 2010
JANGKA MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	JAWAB SEMUA SOALAN

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU


KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 15 MUKA SURAT

SULIT

1. Meletakkan papan tanda kenyataan “Jangan bising. Peperiksaan sedang dijalankan” hendaklah dilakukan
 - A. Sebelum peperiksaan dijalankan.
 - B. Selepas peperiksaan dijalankan.
 - C. Semasa peperiksaan sedang dijalankan.
 - D. Seminggu sebelum peperiksaan dijalankan.

2. Peperiksaan sedang dijalankan. Apakah sebabnya pengawas peperiksaan menjalankan pemeriksaan kad matrik dan kad pengenalan calon?
 - A. Untuk memastikan tarikh lahir calon adalah sesuai.
 - B. Memastikan calon sebenar yang menduduki peperiksaan itu.
 - C. Memastikan calon yang menduduki peperiksaan adalah warganegara.
 - D. Untuk mengetahui ejaan nama pelajar yang sebenar.

3. Berikut merupakan elemen-elemen penting dalam proses penyuntingan item soalan Kecuali
 - A. arahan yang diberikan harus jelas.
 - B. penggunaan tatabahasa yang betul.
 - C. struktur item memudahkan pemilihan jawapan.
 - D. bahasa yang digunakan hendaklah abstrak.



4. Rajah 2 di atas merupakan sejenis penilaian. Apakah penilaian tersebut?
 - A. Penilaian formatif.
 - B. Penilaian diagnostik.
 - C. Penilaian prakelayakan.
 - D. Penilaian sumatif.

5. Taksonomi yang diasaskan oleh Benjamin Bloom dibahagikan kepada _____ Domain
 - A. lima.
 - B. lapan.
 - C. enam.
 - D. tujuh.

6. “Hasil pembelajaran pada peringkat ini adalah tertinggi dalam hieraki pengkelasan kognitif kerana ia mengandungi elemen-elemen semua kategori yang telah disebut sebelum ini.’ Pernyataan di atas merujuk kepada aras
- A. Pengetahuan.
 - B. Sintesis.
 - C. Penilaian.
 - D. Aplikasi.
7. Soalan berbentuk subjektif banyak kelebihannya. Antara pernyataan di bawah yang manakah bukan kelebihan tersebut?
- A. Boleh dibina dengan mudah..
 - B. Tahap keobjektifan yang tinggi.
 - C. Menggalakkan pemikiran peringkat tinggi
 - D. Berguna untuk mengesan kelemahan penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar.
8. Susunan manakah yang betul mengenai Taksonomi Bloom?
- A. Kefahaman, aplikasi, penilaian, sintesis, pengetahuan dan analisis.
 - B. Pengetahuan, kefahaman, analisis, aplikasi, penilaian dan sintesis.
 - C. Penilaian, sintesis, analisis, aplikasi, kefahaman dan pengetahuan.
 - D. Pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian.
9. Pernyataan berikut menunjukkan matlamat pengujian, pengukuran dan penilaian kecuali
- A. sebagai alat diagnosis.
 - B. mengukur pencapaian pelajar.
 - C. penempatan pelajar.
 - D. untuk mendiskriminasi pelajar.
10. Ahmad menjawab soalan yang berkaitan dengan “Sebab-sebab sejarah pembentukan Malaysia”. Berdasarkan Taksonomi Bloom apakah jenis soalan yang dijawab oleh Ahmad?
- A. Sintesis.
 - B. Penilaian.
 - C. Pengetahuan.
 - D. Aplikasi.
11. Berikut ialah ciri-ciri penggredan kecuali
- A. adil kepada semua pelajar.
 - B. dimaklumkan kepada semua pelajar.
 - C. tekal dari segi penggunaannya dan pentadbirannya kepada semua pelajar.
 - D. tepat dalam menggambarkan apa yang pelajar telah pelajari.

12. Apakah definisi tepat mengenai pengukuran?
- A. Pemerhatian ke atas soalan-soalan ujian.
 - B. Pelbagai cara untuk mengumpul data kuantitatif.
 - C. Menentukan pencapaian sesuatu pembelajaran.
 - D. Proses menentukan peringkat pencapaian dan kedudukan antara pelajar.
13. Soalan esei, soalan berstruktur dan soalan jawapan pendek adalah merupakan contoh soalan ujian bagi
- A. ujian kriteria.
 - B. ujian objektif.
 - C. ujian subjektif.
 - D. ujian binaan guru.
14. Berikut merupakan perbuatan-perbuatan yang mendatangkan ancaman keselamatan peperiksaan kecuali
- A. mencuri cetak soalan peperiksaan.
 - B. soalan tidak disimpan di peti besi.
 - C. gagal mematuhi peraturan peperiksaan.
 - D. bergegas kerana dapat menjawab soalan peperiksaan dengan sempurna.
15. Apakah tujuan penyediaan skema pemarkahan?
- A. Membantu menjalankan pemeriksaan skrip jawapan dengan jitu.
 - B. Mengelakkan pemeriksaan yang terlalu tegas atau terlalu longgar.
 - C. Mengelakkan pemeriksa membuat andaian jawapannya sendiri.
 - D. Mempastikan jawapan mengikut silibusnya.
16. Berikut merupakan ciri untuk menghasilkan ujian yang bermutu.
- A. Ketepatan.
 - B. Kebolehbacaan.
 - C. Kebolehpercayaan.
 - D. Keupayaan.
17. Soalan peperiksaan yang baik mempunyai ciri berikut.
- A. Mencabar minda pelajar.
 - B. Menerangkan sebarang jenis butiran.
 - C. Tidak memasukkan hal-hal yang sensitif mengenai politik negara.
 - D. Menepati aras kesukaran dan bersesuaian dengan semua pelajar.

18. Berikut merupakan kategori dalam aras domain psikomotor bagi pengamatan kecuali
- A. terjemahan.
 - B. stimulasi deria.
 - C. pilihan tanda isyarat.
 - D. perlakuan automatik
19. Pilih kenyataan yang menerangkan elemen tingkahlaku yang disebut dalam objektif khusus.
- A. Peringkat pencapaian paling rendah yang pelajar kuasai.
 - B. Situasi yang menunjukkan sesuatu langkah akan dilakukan.
 - C. Individu yang dimaksudkan untuk mempamerkan sesuatu tingkahlaku.
 - D. Tingkahlaku yang perlu dikuasai pada akhir sesuatu pembelajaran.
20. Meletakkan item yang _____ di awal ujian bertujuan untuk meletakkan calon dalam keadaan selesa.
- A. jelas.
 - B. ringan.
 - C. mudah.
 - D. biasa.
21. Apakah yang dimaksudkan dengan analisis item?
- A. Item-item yang tidak berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran.
 - B. Menunjukkan item yang terlalu sukar, sederhana atau terlalu mudah.
 - C. Kesukaran yang dapat mendiskriminasi antara calon cemerlang dan calon lemah.
 - D. Satu proses mengenalpasti item-item yang berfungsi dari satu set statistik ujian.
22. Prosedur analisis item merupakan asas untuk
- A. meningkatkan kemahiran dalam pembinaan item.
 - B. meningkatkan kemahiran dalam pembinaan ujian.
 - C. meningkatkan kemahiran dalam indeks kesukaran.
 - D. meningkatkan kemahiran dalam pembinaan jadual penentu ujian.
23. Indeks kesukaran item ialah nisbah pelajar yang
- A. menjawab keseluruhan item.
 - B. tidak menjawab item langsung.
 - C. menjawab dengan betul daripada keseluruhan pelajar.
 - D. menjawab dan tidak menjawab dengan betul daripada keseluruhan pelajar.

24. Apabila peperiksaan telah tamat, tindakan-tindakan di bawah sewajarnya diambil oleh pengawas peperiksaan kecuali
- mengutip skrip jawapan.
 - menghitung bilangan skrip jawapan pelajar.
 - mengutip kertas soalan dan kertastulis berlebihan.
 - membiarkan pelajar menghantar sendiri kertas jawapan kepada ketua pengawas peperiksaan.
25. Pilih pernyataan yang mungkin boleh menyebabkan pelajar terdorong untuk meniru dalam peperiksaan.
- Meja pelajar banyak yang kosong semasa peperiksaan.
 - Susunan tempat duduk pelajar dalam jarak yang sesuai.
 - Soalan peperiksaan dijaga dengan selamat sehingga tarikh peperiksaan.
 - Guru banyak duduk di sesuatu sudut dan tidak banyak membuat rondaan.

Berikut adalah prosedur pembinaan ujian.

- Membentuk JPU.
 - Menulis item-item soalan.
 - Menyemak item-item soalan.
26. Prosedur pembinaan ujian yang digambarkan di atas dilakukan
- selepas ujian dijalankan.
 - semasa ujian sedang dijalankan.
 - beberapa minggu sebelum ujian dijalankan.
 - seminggu sebelum ujian dijalankan.
27. Pengujian merujuk kepada
- sesuatu keputusan berdasarkan kepada sesuatu peraturan atau piawaian.
 - proses yang menentukan kuantiti pembelajaran dan keberkesanan pengajaran guru.
 - proses mentaksir sama ada kuantiti atau takat sesuatu yang diukur itu boleh diterima atau tidak.
 - satu teknik untuk mendapatkan maklumat mengenai perubahan tingkah laku seorang individu terhadap pembelajarannya.
28. Seorang guru melaksanakan penilaian formatif untuk memenuhi berbagai objektif. Antaranya ialah untuk
- menjadi alat memotivasikan mereka.
 - mengasingkan pelajar mengikut pencapaian mereka.
 - memberikan ganjaran-ganjaran yang sesuai dengan pencapaian mereka.
 - memberi maklum balas mengenai kemajuan pelajar dalam akademik mereka.

29. Seorang guru yang baik masih juga melakukan kesilapan. Antara berikut yang manakah menunjukkan kelemahan seorang guru?
- A. Guru mengawal kelas dengan bersahaja.
 - B. Pendekatan yang digunakan bergantung kepada pelajar secara individu.
 - C. Guru tidak menimbangkan kesesuaian usia pelajar dalam perancangan pengajarannya.
 - D. Pelajar-pelajar bebas melakukan yang terbaik untuk diri mereka tanpa banyak campur tangan guru.
30. Guru berusaha melaksanakan pengajaran yang terbaik untuk pelajarannya. Manakah antara berikut menunjukkan objektif pengajaran yang utama?
- A. Memberi motivasi kepada pelajar.
 - B. Memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran.
 - C. Menyesuaikan kaedah pengajarannya berdasarkan tahap kematangan pelajar.
 - D. Memberi arahan supaya pelajar memilih kaedah pembelajaran yang sesuai untuk diri mereka.
31. Mengapakah jadual penentu ujian (JPU) dianggap penting?
- A. Menjamin ketepatan jawapan ujian.
 - B. Kualiti ujian dapat dipertahankan dari tahun ke setahun.
 - C. Dapat menguji pelajar secara keseluruhan di mana taburan tajuk adalah seimbang.
 - D. Penggubal dapat membina soalan dengan senang kerana semua panduannya disediakan terlebih dahulu.
32. Apakah yang dimaksudkan dengan penilaian?
- A. Proses membuat analisis dengan mentafsir hasil pengukuran.
 - B. Proses mentaksir sama ada kuantiti yang diukur itu dapat diterima atau tidak.
 - C. Merupakan suatu proses yang menentukan takat pembelajaran pelajar dan keberkesanan pengajaran guru.
 - D. Suatu teknik untuk mendapatkan maklumat tentang perubahan tingkah laku individu terhadap pembelajarannya.
33. Apakah yang dimaksudkan dengan penggredan?
- A. Penggredan ialah kaedah menguatkan proses pengajaran.
 - B. Gred digunakan secara langsung untuk memotivasikan pelajar.
 - C. Penggredan adalah suatu proses untuk menentukan pencapaian pelajar berdasarkan peraturan yang telah ditetapkan.
 - D. Sistem penggredan ialah sistem yang diamalkan bertepatan dengan amalan pada peringkat kebangsaan.

34. Pernyataan berikut menerangkan matlamat penilaian diagnostik.
- A. Membantu guru meneruskan dan memperbaiki pengajarannya.
 - B. Menentukan proses pengajaran dan pembelajaran yang telah ditetapkan.
 - C. Untuk mendapatkan maklumat tentang keberkesanan sesuatu pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan.
 - D. Untuk menentukan punca masalah pembelajaran dan menyediakan perancangan untuk tindakan pemilihan.
35. Manakah antara berikut pernyataan yang tidak benar mengenai graf ujian normal?
- A. Markah lulus tidak konsisten.
 - B. Membandingkan prestasi kumpulan murid berlainan sekolah dan tempat.
 - C. Bentuknya hanya dapat dicapai dengan bilangan calon yang ramai serta secara rawak.
 - D. Peperiksaan awam menetapkan penggredan berlandaskan konsep penilaian rujukan norma.
36. Ujian rujukan kriteria harus digunakan apabila kita ingin
- A. mengenalpasti kemahiran pelajar mengenai huruf dan sebutannya.
 - B. mengenalpasti sesuatu kelemahan pelajar berdasarkan respon yang mereka beri.
 - C. menentukan pengetahuan seseorang calon melakukan sesuatu tugas setelah diberi bimbingan dalam sesuatu tugas.
 - D. menentukan prestasi pelajar dalam sesuatu tugas agar dapat dibandingkan dengan pelajar lain yang melakukan tugas yang sama.
37. Nyatakan tujuan keselamatan peperiksaan.
- A. Memberi perlindungan semasa ujian sedang dijalankan.
 - B. Memberi perlindungan keselamatan dokumen semasa mengedarkan kertas soalan.
 - C. Memberi perlindungan keselamatan kepada pengawas peperiksaan semasa membawa kertas soalan.
 - D. Memberi perlindungan kepada dokumen terperingkat (soalan) daripada segala bentuk penyelewengan.
38. Di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 (Pin 1/88), sesiapa yang didapati membocorkan, menyiarkan atau menyampaikan sama ada secara lisan atau bertulis tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada pihak berkuasa boleh dikenakan hukuman berikut
- A. penjara tidak lebih 5 tahun dan denda tidak lebih RM1,500.
 - B. penjara tidak lebih 7 tahun dan denda tidak lebih RM1,500.
 - C. penjara tidak lebih 5 tahun dan denda tidak lebih RM10,000 atau kedua-duanya.
 - D. penjara tidak lebih 7 tahun dan denda tidak lebih RM10,000 dan kedua-duanya.

39. Manakah yang benar tentang kebolehpercayaan pemarkahan peperiksaan.
- A. Memeriksa skrip jawapan dalam kuantiti yang besar.
 - B. Mengelak dari melakukan pemarkahan sampel terlebih dahulu.
 - C. Perbincangan tidak diadakan bagi menentukan penyelarasan antara pemeriksa.
 - D. Mengadakan mesyuarat penyelarasan bagi menentukan jawapan-jawapan yang boleh diterima.
40. Situasi yang manakah menunjukkan ciri keobjektifan soalan?
- A. Dewan ujian diserikan dengan iringan muzik sentimental yang perlahan.
 - B. Guru memilih satu skor yang dapat menggambarkan pencapaian pelajar secara keseluruhannya.
 - C. Semua calon yang mengambil ujian dapat menjawab semua soalan sebelum tamat tempoh ujian disebabkan soalan-soalan yang mudah dijawab.
 - D. Dalam suatu ujian, seorang calon mendapat skor yang sama walaupun diperiksa oleh dua orang pemeriksa berlainan berpandukan skema pemarkahan.
41. Semasa menggubal soalan peperiksaan, penggubal hendaklah mengelakkan diri dari menggunakan perkataan-perkataan yang disifatkan sebagai “jargon”. Apakah yang dimaksudkan dengan “jargon”?
- A. Penggunaan perkataan yang tidak difahami kerana perbezaan budaya.
 - B. Penggunaan perkataan yang tidak biasa digunakan dan sukar untuk dieja.
 - C. Penggunaan perkataan yang ejaannya sangat panjang hingga sukar menulisnya.
 - D. Penggunaan perkataan yang sukar difahami dan mengandungi lebih dari satu makna.
42. Ujian norma merupakan ujian yang paling kerap digunakan oleh guru di dalam bilik darjah. Manakah antara yang berikut merupakan tujuan ujian rujukan norma?
- A. Ujian adalah untuk mengukur pencapaian seseorang pelajar.
 - B. Untuk mencapai objektif asas minimum dan unsur masa tidak dipentingkan.
 - C. Membandingkan pencapaian seorang pelajar dengan pencapaian pelajar-pelajar yang lain di dalam kelas.
 - D. Untuk menentukan sejauh mana kemahiran pelajar itu mencukupi sebelum memulakan pelajaran baru.

43. Pernyataan di bawah merupakan prosedur menggubal soalan.
- Kosongkan perkataan atau istilah yang penting.
 - Pastikan soalan dan pernyataan merupakan suatu masalah.
 - Pastikan jawapan yang diperlukan adalah tepat.
- A. Item aneka pilihan.
B. Item jawapan ringkas.
C. Item pelengkap.
D. Item padanan.
- Taraf pencapaian pelajar.
 - Punca kelemahan pelajar.
 - Kekuatan pelajar.
44. Keputusan ujian sewajarnya mudah ditafsir untuk memberi maklumat seperti di atas. Antara jawapan berikut yang manakah menggambarkan tujuan ujian diadakan?
- A. Untuk memastikan soalan ujian adalah relevan.
B. Untuk memastikan kesahan isi kandungan ujian.
C. Untuk mendapatkan maklumat perkembangan pelajaran pelajar.
D. Untuk mengukur sejauh manakah sesuatu pengukuran boleh diharap untuk memberikan maklumat yang tekal tanpa sebarang keraguan.
45. Senaraikan tanggungjawab Penyelaras Peperiksaan Dalaman.
- I. Membantu Setiausaha Peperiksaan dalam penyediaan takwim peperiksaan dalaman.
II. Membantu Setiausaha Peperiksaan dalam memastikan ujian berjalan dengan lancar.
III. Memastikan soalan peperiksaan mencukupi dan disimpan dengan selamat.
- A. I, II dan IV sahaja.
B. I, II dan III sahaja.
C. II, III dan IV sahaja.
D. I, II, III dan IV.

46. Pernyataan-pernyataan berikut menunjukkan skala nominal.
- I. Skala yang paling mudah.
 - II. Mempunyai ketetapan yang paling rendah.
 - III. Data ini mempunyai urutan atau pangkat.
 - IV. Setiap data hanya dimiliki oleh satu kategori sahaja.
- A. I, II dan III sahaja.
 - B. I, II dan IV sahaja.
 - C. II, III dan IV sahaja.
 - D. I, II, III dan IV.
47. Yang manakah antara yang berikut menjadikan pengajaran guru lebih efektif?
- I. Pengajaran berpusatkan pelajar.
 - II. Pengajaran yang menggalakan penerokaan.
 - III. Menggalakkan pelajar menyelesaikan masalah sendiri.
 - IV. Memberi tugas berbentuk projek.
- A. I, II dan III sahaja.
 - B. II, III dan IV sahaja.
 - C. I, III dan IV sahaja.
 - D. I, II, III dan IV.
48. Antara pernyataan berikut yang manakah aplikasi penilaian prakelayakan?
- I. Dalam sukan tahunan sekolah hanya pelajar yang melepasi tahap kelayakan sahaja dibenarkan mengambil bahagian.
 - II. Seorang askar hendaklah bertubuh sihat sebelum boleh menjadi rekrut.
 - III. Pencuri itu ditangkap dalam perjalanan hendak memecah rumah orang.
 - IV. Seorang banduan didapati bersalah lalu dipenjara selama dua tahun.
- A. I, II dan IV sahaja.
 - B. II, III dan IV sahaja.
 - C. I, II dan III sahaja.
 - D. I, II, III dan IV.

49. Langkah-langkah pemarkahan cara holistik dengan menggunakan skala ordinal adalah seperti berikut
- I. Menyusun skrip calon-calon mengikut prestasi calon dari prestasi yang terbaik di atas dan prestasi yang terburuk di bahagian bawah.
 - II. Menentukan beberapa peraturan calon yang patut diberikan gred A, B, C, D dan sebagainya.
 - III. Memeriksa setiap skrip calon secara keseluruhan.
 - IV. Memberikan gred kepada skrip berdasarkan peratus yang telah dipertimbangkan untuk setiap kumpulan.
- A. III, I, II dan IV.
 - B. I, II, III dan iv.
 - C. IV, III, II dan I.
 - D. I, III, II dan IV.
50. Senaraikan pernyataan di bawah yang menggambarkan ujian objektif.
- I. Soalan berbentuk padanan.
 - II. Soalan memerlukan jawapan terbuka.
 - III. Jawapannya aneka pilihan.
 - IV. Soalan jawapan benar atau salah.
- A. II sahaja.
 - B. I, II dan III sahaja.
 - C. I, III dan IV sahaja.
 - D. II, III dan IV sahaja.
51. Susunkan langkah-langkah berikut supaya menjadi urutan yang betul dalam penyediaan soalan objektif.
- I. Mentafsir keputusan ujian.
 - II. Merekabentuk soalan.
 - III. Menulis soalan ujian.
 - IV. Membuat semakan akhir.
- A. I, II, III dan IV.
 - B. II, III, IV dan I.
 - C. I, II, IV dan III.
 - D. IV, I, II dan III.

52. Nilaitara utama yang perlu dipertimbangkan dalam proses pembinaan skema pemarkahan soalan subjektif ialah
- I. kriteria kandungan.
 - II. kriteria pengelolaan.
 - III. kriteria proses.
 - IV. kriteria ketepatan.
- A. I dan II sahaja.
 - B. III dan IV sahaja.
 - C. I, II dan IV sahaja.
 - D. I, III dan IV sahaja.
53. Susunkan langkah-langkah pemarkahan secara holistik dengan menggunakan skala ordinal yang dengan betul.
- I. Menentukan peratusan calon mengikut gred.
 - II. Memeriksa skrip setiap calon secara keseluruhan.
 - III. Memberikan gred kepada skrip berdasarkan peratus yang telah dipertimbangkan.
 - IV. Menyusun skrip calon mengikut prestasi calon iaitu yang tertinggi di atas dan yang terendah di bawah.
- A. I, II, III dan IV.
 - B. II, IV, I dan III.
 - C. II, IV, III dan I.
 - D. IV, III, II dan I.
54. Pernyataan berikut adalah benar mengenai skema pemarkahan kaedah analitik.
- I. Melihat mutu jawapan secara keseluruhan.
 - II. Setiap point ditentukan pemberatan markahnya.
 - III. Markah diberi mengikut point yang telah ditentukan.
 - IV. Markah diberi pada peringkat-peringkat tertentu dalam persembahan jawapan calon.
- A. I dan II sahaja.
 - B. II dan III sahaja.
 - C. I, III dan IV sahaja.
 - D. II, III dan IV sahaja.

55. Antara tugas pengawas peperiksaan ialah
- I. memberi taklimat mengenai perjalanan peperiksaan.
 - II. bertanggungjawab ke atas keseluruhan pengawasan peperiksaan.
 - III. memastikan soalan peperiksaan diterima dalam sampul bermerti.
 - IV. mengambil tindakan segera apabila berlaku kejadian yang melanggar peraturan peperiksaan.
- A. I, II, III dan IV.
 - B. I, II dan III sahaja.
 - C. II, III dan IV sahaja.
 - D. I, III dan IV sahaja.
56. Pilih pernyataan di bawah bagi menentukan kriteria-kriteria yang diperlukan bagi penilaian pemeriksaan kertas jawapan.
- I. Definisi tajuk : Tepat huraianannya.
 - II. Tanda baca : Betul dan tepat.
 - III. Isi : Cukup dan berkembang
 - IV. Bahasa : Penelitian yang sangat tinggi
- A. III dan IV sahaja.
 - B. II, III dan IV sahaja.
 - C. I, II dan III sahaja.
 - D. I, II, III dan IV.
57. Langkah-langkah untuk menggubal item ujian yang bermutu tinggi ialah
- I. menggunakan jadual penentu ujian.
 - II. membina item soalan berdasarkan objektif pengajaran.
 - III. memeriksa skrip jawapan mengikut skema pemarkahan.
- A. I dan II sahaja.
 - B. I dan III sahaja.
 - C. II dan III sahaja.
 - D. I, II dan III.

58. Kenyataan mengenai perhatian dalam pentafsiran analisis di bawah adalah benar.
- I. Kuasa diskriminasi item tidak semestinya menunjukkan kesahan item.
 - II. Indeks rendah dalam kuasa diskriminasi menunjukkan item yang salah.
 - III. Data dari analisis item daripada sampel yang kecil hanyalah tentatif sahaja.
 - IV. Indeks rendah dalam kuasa diskriminasi tidak semestinya menunjukkan item yang rosak.
- A. I sahaja.
 - B. I dan II sahaja.
 - C. I dan III sahaja.
 - D. I, III dan IV sahaja.
59. Bagi menyunting item objektif, perkara yang paling penting ialah
- I. struktur item dan tatabahasa.
 - II. pastikan penggunaan tanda bacaan adalah betul.
 - III. arahan di muka kertas soalan seharusnya jelas dan sistematik
 - IV. bahasa mudah difahami, tepat, mempunyai istilah yang kemas dan ejaan yang betul
- A. I dan II sahaja.
 - B. I, II dan III sahaja.
 - C. I, III dan IV sahaja.
 - D. II, III dan IV sahaja.
60. Tujuan membandingkan indeks kesukaran dengan indeks diskriminasi adalah untuk
- I. Membantu membuat keputusan sama ada sesuatu item itu dikekalkan, digugurkan atau perlu diperbaiki.
 - II. Membantu para penggubal soalan mengekalkan soalan yang berkualiti di dalam bank soalan jika kedua-dua indeks berada dalam julat yang bersesuaian.
 - III. Memudahkan penggubal soalan memperbaiki item soalan yang tidak sesuai dengan cara memudahkan soalan yang sukar dan menyukarkan soalan yang terlalu mudah.
 - IV. Membantu penggubal menentukan golongan pelajar yang lemah dengan pelajar yang mempunyai prestasi tinggi.
- A. I dan II sahaja.
 - B. I, II dan IV sahaja.
 - C. I, II dan III sahaja.
 - D. I, II, III dan IV.